

WELFARE DEPARTMENT
NATIONAL KIDNEY FOUNDATION OF MALAYSIA
Unit C-23-3A, 3 Two Square
No.2, Jalan 19/1
46300 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7954 0052/0119
Email: welfare@nkf.org.my

YAYASAN BUAH PINGGANG KEBANGSAAN MALAYSIA

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) merupakan sebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang tidak berasaskan kepada keuntungan. Penubuhan NKF pada tahun 1969 bermatlamat untuk memberi maklumat dan nasihat kepada orang ramai mengenai kesihatan buah pinggang. Pada tahun 1993, NKF telah menubuhkan pusat rawatan dialisis pertama di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Penubuhan pusat dialisis itu telah membuka babak sejarah NKF sebagai pertubuhan bukan kerajaan pertama di Malaysia yang menyediakan rawatan hemodialisis. Pada hari ini, NKF mempunyai 29 buah pusat dialisis di seluruh Malaysia yang memberi rawatan dialisis kepada lebih 1,600 orang pesakit buah pinggang. NKF kini merupakan pertubuhan bukan kerajaan terbesar yang memberi perkhidmatan rawatan hemodialisis di Malaysia.

Fokus NKF tidak hanya tertumpu kepada perkhidmatan dialisis tetapi juga memberi pendidikan awam bagi mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pengesanan awal dan pencegahan penyakit buah pinggang. Forum Pesakit kali ini yang merupakan forum ke16 yang dianjurkan oleh NKF bertujuan memberi manfaat kepada pesakit dialisis di Kuching, Sarawak dan kawasan sekitarnya. Forum ini bertujuan untuk memastikan semua pesakit dialisis, keluarga/penjaga mereka dan orang awam mempunyai akses kepada maklumat penting yang akan membantu mereka untuk menikmati kualiti hidup yang lebih bermakna.

KIDNEY HEALTH FOR ALL

PREPARING FOR THE UNEXPECTED,
SUPPORTING THE VULNERABLE!



FORUM PESAKIT KE 16 2023

1 Oktober 2023 (Ahad)

**Hotel Pullman,
Kuching, Sarawak**

Hidup Sejahtera, Kekal Sejahtera

CPD 5 MATA UNTUK JURURAWAT

Anjuran



FORUM PESAKIT Ke 16

“Hidup Sejahtera, Kekal Sejahtera”

Sebagai sebuah badan amal dan pusat sumber sehati bagi pencegahan dan rawatan penyakit buah pinggang, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pesakit buah pinggang, ahli keluarga/penjaga mereka serta orang ramai mengenai penyakit, penjagaan dan keselamatan buah pinggang melalui amalan gaya hidup sihat. Forum ke 16 ini akan memberi fokus kepada topik yang amat relevan untuk pesakit dialisis & penjaga tersebut, di samping memberi dorongan untuk bersikap positif dalam menghadapi cabaran hidup.

Melalui Forum ini, para peserta akan memahami penyakit buah pinggang, dan cara hidup sihat walaupun dengan dialisis ke arah meningkatkan kelangsungan hidup.

Pesakit dialisis, ahli keluarga, penjaga dan kakitangan perubatan adalah digalakkan menyertai Forum ini bagi mendapatkan maklumat dan berkongsi pengalaman.

Untuk keterangan lanjut
sila hubungi : 03-7954 0052 / 0119
(Jabatan Kebajikan NKF)

Tarikh Tutup : 10 September 2023

PENCERAMAH JEMPUTAN

- **Pakar Perunding Nefrologi**
- **Pakar Diet**
- **Pesakit & penderma Pemindahan Buah Pinggang**
- **Pegawai-Pegawai Kerajaan**

PROGRAM FORUM PESAKIT 2023

MASA	TOPIC
07.45 – 08.30	Pendaftaran Peserta & Sarapan Pagi
08.30 – 09.15	Mengatasi Gejala-Gejala Dialisis. <i>Dr Dr Clare Tan Hui Hong, Pakar Perunding Nefrologi, Hospital Umum Sarawak.</i>
09.15 – 10.00	Ubat, Suplemen dan Pesakit Dialisis. <i>Prof Madya Dr. Nor Fadhlina Zakaria, Pakar Perunding Nefrologi, Universiti Putra Malaysia</i>
10.00 – 10.30	Perasmian Program Forum Pesakit 2023
10.30 – 11.00	Minuman Pagi
11.00 – 12.00	Pemindahan Buah Pinggang & Peruntukan Organ <i>Prof Madya Dr Nor Fadhlina Zakaria, Pakar Perunding Nefrologi, Universiti Putra Malaysia</i>
12.00 – 12.45	Kisah & Pengalaman Pesakit dan Penderma Buah Pinggang : <i>En. Khairul Shazwali & En. Padli Saed</i>
12.45 – 14.15	Makan Tengahari dan Solat
14.15 – 14.45	Sekatan Makanan & Pesakit Dialisis. Apa yang tinggal di makan? <i>Cik Siti Hajar Mukhtar, Pakar Diet NKF</i>
14.45 – 16.15	Forum: PEMBIAYAAN RAWATAN DIALISIS <i>Moderator: Pn Khor Xin Yun, Ketua Eksekutif NKF</i> <i>Ahli Panel :</i> i. Bantuan Dialisis & Faedah-Faedah untuk Orang Berinsuran PERKESO. <i>Dr Mohamad Faznin Mohamad Talib, PERKESO</i> ii. Bantuan Subsidi Kos Rawatan Haemodialisis Kementerian Kesihatan Malaysia. <i>Datin Sri Faizah Fazlina binti Dato' Rosli, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia</i> iii. Kemudahan Perubatan (Dialisis) untuk Penjawat Awam serta Pesara & Tanggungannya di Sarawak <i>En Rody Anak Bunsu, Jabatan Premier Sarawak</i> iv. Bantuan Khas Dialisis Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak. <i>Puan Rohana binti Isnawi, JKMN Sarawak</i> v. Program-Program Subsidi Rawatan Dialisis NKF. <i>En. Loo Leong Heng, NKF</i>
16.15 – 16.30	Penilaian Forum
16.30 – 16.40	Ucapan Penutup. <i>Pn Khor Xin Yun, Ketua Eksekutif NKF</i>

BORANG PENDAFTARAN

Nama:

Alamat

.....

.....

Tel No..... HP No.....

Bayaran Pendaftaran

***Percuma** untuk pesakit buah pinggang

***RM10.00** untuk ahli keluarga pesakit Pertama

****RM 170.00** untuk kakitangan Pusat Dialisis, ahli keluarga tambahan & lain-lain

Bersama-sama ini disertakan cek/wangpos/postal order/bank draf

No:..... sebanyak

RM..... kepada

“National Kidney Foundation of Malaysia”

sebagai bayaran pendaftaran.

Pindahan wang boleh dibuat ke Akaun

PUBLIC Bank No: 3077497314

Email slip bayaran bersama-sama borang pendaftaran ke:

Email : welfare@nkf.org.my

Sila Tandakan

☐ Pesakit*

☐ Ahli keluarga pesakit*

☐ Kakitangan Perubatan**

☐ Lain-lain**

☐ Vegetarian

PERHATIAN

- Forum diadakan dalam Bahasa Malaysia & Inggeris
- Peserta mesti berusia 18 tahun ke atas
- Pendaftaran adalah terhad, sila buat pendaftaran awal
- Borang pendaftaran boleh didapati di laman Web NKF : www.nkf.org.my